

JADUAL WAKTU SUBUH & MAGHRIB

BAGI KAWASAN FELDA GUGUSAN SAHABAT

Tarikh/ Hari	Ramadhan	Subuh	Maghrib
SEPTEMBER			
13 Khamis	1	4:39	6:04
14 Jumaat	2	4:38	6:03
15 Sabtu	3	4:38	6:03
16 Ahad	4	4:38	6:02
17 Isnin	5	4:38	6:02
18 Selasa	6	4:38	6:01
19 Rabu	7	4:38	6:01
20 Khamis	8	4:37	6:00
21 Jumaat	9	4:37	6:00
22 Sabtu	10	4:37	5:59
23 Ahad	11	4:37	5:59
24 Isnin	12	4:37	5:58
25 Selasa	13	4:36	5:58
26 Rabu	14	4:36	5:57
27 Khamis	15	4:36	5:57
28 Jumaat	16	4:36	5:56
29 Sabtu	17	4:35	5:56
30 Ahad	18	4:35	5:55
OKTOBER			
01 Isnin	19	4:35	5:55
02 Selasa	20	4:35	5:54
03 Rabu	21	4:35	5:54
04 Khamis	22	4:34	5:54
05 Jumaat	23	4:34	5:53
06 Sabtu	24	4:34	5:53
07 Ahad	25	4:34	5:52
08 Isnin	26	4:34	5:52
09 Selasa	27	4:33	5:51
10 Rabu	28	4:33	5:51
11 Khamis	29	4:33	5:51
12 Jumaat	30	4:33	5:50

Jadual dikira menggunakan Program Waktu Solat 13 Beta 2 melibatkan kawasan Anjung Teduh (5° 03' 42.46" N 118° 55' 13.25" E), Baiduri Ayu (5° 06' 11.18" N 118° 57' 48.38" E), Cenderawasih (5° 09' 04.16" N 119° 00' 21.19" E), Desa Kencana (5° 04' 55.57" N 119° 04' 14.70" E), Embara Budi (5° 09' 58.81" N 119° 08' 38.41" E), Fajar Harapan (5° 13' 49.88" N 119° 12' 14.11" E), Gemala Pula (5° 16' 53.79" N 119° 12' 54.22" E), Hamparan Badai (5° 18' 50.14" N 119° 13' 46.90" E), Jeragan Bistari (5° 13' 54.14" N 119° 03' 35.95" E), Kembara Sakti (5° 19' 24.00" N 119° 03' 38.77" E), dan Tanjung Labian (5° 10' 02.23" N 119° 13' 56.25" E).

Adab Berbuka

- Makan dengan tidak berlebih-lebihan.** Allah berkata: «Dan makanlah dan minumlah dan jangan kamu berlebih-lebihan. Sesungguhnya Dia tidak menyukai orang yang berlebih-lebihan» [Al-A'raf: 31]
- Segera berbuka apabila masuk waktu Maghrib.** Nabi berkata: «Masihlah manusia itu dalam kebaikan selama mana mereka menyegerakan berbuka» [Al-Bukhari/ 1957], [Muslim/ 1098].
- Berbuka dengan rutab, tamar atau air.** (Rutab: kurma masak. Tamar: kurma kering). Anas bin Malik berkata: Nabi berbuka sebelum dia bersalat dengan rutab. Jika tiada rutab, maka tamar. Jika tiada tamar, dia meneguk beberapa tegukan air. [At-Tirmizi/ 696, sahih]
- Makan dahulu sebelum salat Maghrib.** Nabi berkata: «Apabila diletakkan makan malam seseorang kamu dan didirikan salat, maka mulakanlah dengan makan malam dan janganlah dia tergesa-gesa sehingga dia selesai daripadanya» [Al-Bukhari/ 674]
- Berdoa ketika berbuka.**

Bacaan Ketika Berbuka (Iftar)
Rasulu Llah apabila dia berbuka,
dia berkata:

ذَهَبَ الظَّمَأُ وَأَبْتَلَّتِ العُرُوقُ

وَوَثَبَتِ الأَجْرُ إِنْ شَاءَ اللهُ

Zahaba z-zama'u, wabtallati l-`uruqu,
wasabata l-ajru, in sya'a Llah

«Telah hilanglah dahaga, telah basahlah peluh dan telah tetaplah pahala, in sya'a Llah» [Abi Dawud/ 2357, hasan]



Bil: 1/ 2007 • Ramadhan 1428 Hijrah • SMK Desa Kencana, Lahad Datu, Sabah • www.smkdk.com

Risalah Ramadhan رمضان

Kelebihan Ramadhan & Berpuasa

- Menjadi perisai daripada neraka.
- Orang yang berpuasa tidak boleh mengucapkan perkataan yang kesat.
- Orang yang berpuasa tidak boleh berkelakuan bodoh.
- Perubahan bau mulut orang yang berpuasa lebih wangi di sisi Allah daripada bau kasturi.
- Allah akan membalas ganjaran puasa itu mengikut kehendak-Nya.
- Allah akan membalas kebaikan dengan sepuluh kali ganda. Rasulu Llah berkata: «Puasa itu satu perisai, maka janganlah dia berkata kesat, dan janganlah dia berlaku bodoh, dan jika seseorang memerangnya atau menyumpahnya, maka hendaklah dia berkata, "Sesungguhnya saya orang yang berpuasa" dua kali. Demi yang jiwa saya di tangan-Nya, benar-benar perubahan (bau) mulut orang yang berpuasa itu lebih wangi di sisi Allah daripada bau kasturi. Dia meninggalkan makanannya, minumannya, dan nafsunya disebabkan Saya. Puasa itu untuk Saya dan Saya yang akan membalas dengannya, dan dengan kebaikan itu dengan sepuluh kali ganda». [Al-Bukhari/ 1894]
- Pintu-pintu langit (syurga) dibuka.
- Pintu-pintu Jahannam ditutup.
- Syaitan dirantai. Rasulu Llah berkata: «Apabila masuk bulan Ramadhan, dibukakan pintu-pintu langit, dan ditutupkan pintu-pintu Jahannam, dan dirantaikan Syaitan» [Al-Bukhari/ 1899]

Takrif Puasa:

Bahasa: Menahan diri.
Syara`: Menahan diri, dengan niat beribadah, daripada makan, minum, persetubuhan dan segala yang membatalkan puasa, daripada terbit fajar (masuk waktu Subuh) sehingga terbenam matahari (masuk waktu Maghrib).

Kata Allah: «Dan makanlah kamu dan minumlah kamu sehingga jelas bagi kamu benang putih daripada benang hitam daripada fajar, kemudian sempurnakanlah puasa itu sehingga malam» [Al-Baqarah: 187]

Tarikh Difardhukan Puasa:

Hari Isnin dalam bulan Sya`ban tahun ke-2 Hijrah.

Boleh Mencerahkan Air ke Kepala Ketika Puasa

Berkata Abu Bakar (Bin `Abdu r-Rahman): Telah berkata orang yang telah bercerita kepada saya, "Sesungguhnya saya telah melihat Rasula Llah di Al-`Arj, dia mencurahkan ke atas kepalanya air, sedangkan dia berpuasa, disebabkan dahaga atau disebabkan panas" [Abi Dawud/ 2365, sahih]

Amalan Di Bulan Ramadhan

1. Memberi makanan berbuka kepada orang yang berpuasa

Nabi berkata: «**Barangsiapa memberi makanan berbuka kepada orang yang berpuasa, baginya seperti pahalanya, melainkan sesungguhnya dia tidak mengurangkan daripada pahala orang yang berpuasa itu sedikit pun**» [Al-Tirmizi/ 807, sahih]

2. As-Sadaqah (Sedekah)

3. Membaca Al-Qur'an (Tilawah)

Ibnu `Abbas berkata: Rasulullah adalah manusia yang paling pemurah, dan dia paling pemurah keadaannya ketika Ramadhan, ketika Jibril menemuinya, dan dia menemuinya pada setiap malam daripada Ramadhan, dan dia bertadarus Al-Qur'an dengannya. Maka sungguhlah Rasulullah paling pemurah dengan kebaikan daripada angin yang bertiup. [Al-Bukhariy/ 6]

4. Salat Malam (Qiyamu l-Layl)

Rasulu Llah berkata: «**Barangsiapa mendirikan (salat malam) ketika Ramadhan dengan keimanan dan pengharapan, diampunkan baginya apa yang telah berlalu daripada dosanya**» [Al-Bukhariy/ 37]

Rasulu Llah berkata: «**Puasa dan Al-Qur'an memberi syafa'at kepada hamba. Berkata puasa, "Wahai Tuhan, sesungguhnya saya telah menegahnya daripada makanan dan syahwat ketika siang, maka berilah saya syafa'at padanya", dan berkata Al-Qur'an, "Saya telah menegahnya daripada tidur ketika malam, maka berilah saya syafa'at padanya", maka mereka berdua diberi syafa'at**» [Al-Bayhaqi dalam Sya'bu l-Iman/ 1929, sahih]

5. Al-I'tikaf

Al-I'tikaf bermakna berada di masjid dengan niat `ibadah bagi mendekatkan diri kepada Allah. Nabi selalu beri'tikaf pada sepuluh terakhir bulan Ramadhan.

`A'isyah berkata bahawa Nabi beri'tikaf pada sepuluh terakhir daripada Ramadhan sehingga Allah mewafatkannya. [Al-Bukhariy/ 2026]

6. I'timar (`Umrah)

I'timar bererti menziarahi Baytu Llahi l-Haram di Makkah untuk tawaf dan sa'i.

Nabi berkata: «**Maka apabila datang Ramadhan, maka kerjakanlah `umrah, maka sesungguhnya `umrah di dalamnya menyamai haji**» [Muslim/ 1256]

PERKARA YANG MEMBATALKAN PUASA

1. Makan
2. Minum
3. Jima` (bersetubuh/ melakukan hubungan seks)
4. Mengeluarkan mani dengan kelazatan
5. Muntah dengan sengaja
6. Keluar darah haidh atau nifas
7. Keluar darah dengan berbekam
8. Suntikan jarum yang mengenyangkan

Perkara Yang Boleh Dilakukan Ketika Berpuasa

1. Bersiwak (gosok gigi) ketika siang
2. Menyejukkan badan dengan air kerana kepanasan/ kehausan
3. Makan, minum dan berjima` ketika malam
4. Bermusafir
5. Berubat selagi tidak memasukkan sesuatu ke dalam rongga badan
6. Mengunyah makanan untuk kanak-kanak kecil
7. Menggunakan pewangi

Tinggalkanlah Pendustaan...

Rasulu Llah berkata: «**Barangsiapa tidak meninggalkan kata-kata bohong dan beramal dengannya, maka tiadalah bagi Allah hajat untuk dia meninggalkan makanannya dan minumannya**» [Al-Bukhariy/ 1903]

As-Suhur (Bersahur)

As-Suhur ialah makan dan minum pada waktu sebelum Subuh dengan niat berpuasa.

`Amru Bin Al-`As berkata bahawa Rasula Llah berkata: «**Pemisah antara puasa kita dengan puasa ahli l-kitab ialah makan sahur**» [Muslim/ 1096]

Soal-Jawab Tentang Puasa

S: Apakah hukum berpuasa tetapi meninggalkan salat ketika Ramadhan?

J: Sesungguhnya orang yang berpuasa tetapi tidak bersalat, puasanya itu tidak memberinya manfa`at, dan tidak diterima daripadanya, bahkan sesungguhnya dia tidak dituntut untuk berpuasa selama mana dia tidak bersalat, kerana orang yang tidak bersalat adalah seperti orang Yahudi dan Kristian. Maka apa pendapat kamu jika orang Yahudi dan Kristian berpuasa sedangkan dia masih di atas agamanya, adakah diterima daripadanya? Tidak. Jadi, kita berkata kepada orang tersebut: "Bertaubatlah kepada Allah dengan bersalat, dan berpuasalah." Dan barangsiapa bertaubat, Allah akan mengampunkan terhadapnya.

[Muhammad Bin Salih Al-`Usaymin]

S: Di beberapa farmasi terdapat spray (inhaler) yang digunakan oleh sebahagian pesakit asma. Adakah boleh untuk orang yang berpuasa menggunakannya ketika siang Ramadhan?

J: Menggunakan spray (inhaler) adalah boleh bagi orang yang berpuasa sama ada puasanya ketika Ramadhan atau ketika selain Ramadhan. Dan hal itu adalah kerana spray (inhaler) ini tidak sampai ke perut, tetapi ia sampai ke trakea (kerongkong) dan membuka apa yang ada padanya secara spesifik, dan manusia bernafas dengan nafas yang biasa selepas itu. Dan bukanlah ia bermaksud makan dan bukan minum, dan tiada makanan dan minuman yang sampai ke perut. Dan diketahui bahawa yang asal ialah sah puasa sehingga terdapat dalil yang menunjukkan rosaknya, daripada Kitab, Sunnah, Ijma` atau Qiyas yang sahih.

[Muhammad Bin Salih Al-`Usaymin]

Rujukan:

1. Abu Bakr Jabir Al-Jaza'iriy (2003/ 1424H). **Minhaju l-Muslim**. Farskour: Dar Ibnu Rajab.
2. Hafiz Firdaus Abdullah, Khairol Amin, Dr. Mohd Asri Zainul Abidin (2004). **Menelan Air Liur Tidak Membatalkan Puasa**. <http://al-firdaus.com>
3. Muhammad Bin Salih Al-`Usaymin (2000/ 1421H). **48 Soalan Fi s-Siyam**. <http://www.binothaimeen.com/>